

Amalan Pengajaran Tilawah al-Quran: Satu Tinjauan Terhadap Persepsi Guru di Sekolah Menengah Harian Malaysia

MOHD ADERI CHE NOH

ABSTRAK

Penulisan artikel ini adalah bertujuan untuk memaparkan kajian berkaitan persepsi guru pendidikan Islam tentang amalan pengajaran Tilawah al-Quran di sekolah menengah harian. Seramai 257 responden guru pendidikan Islam yang mengajar tingkatan dua yang terlibat dalam kajian ini dipilih secara rawak berstrata dan berkelompok dari seluruh Malaysia. Responden dikehendaki memberi respon terhadap 69 indikator yang berkaitan dengan amalan pengajaran Tilawah al-Quran berdasarkan empat komponen, iaitu permulaan pengajaran, perkembangan pengajaran, penutup pengajaran dan alat bantu mengajar. Skala Likert lima mata digunakan dalam soal selidik. Statistik deskriptif, iaitu kekerapan, peratusan dan min digunakan dalam melaporkan dapatan kajian. Hasil kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhan amalan pengajaran Tilawah al-Quran berada pada tahap sederhana ($\text{min} = 0.338$). Tahap min amalan pengajaran berdasarkan komponen mendapati komponen permulaan pengajaran ($\text{min} = 3.461$), penutup pengajaran ($\text{min} = 3.271$) dan alat bantu mengajar ($\text{min} = 2.709$) berada pada tahap sederhana. Manakala komponen perkembangan pengajaran pada tahap tinggi ($\text{min} = 3.670$). Kesimpulannya guru Pendidikan Islam sepatutnya sentiasa berusaha untuk menambahbaik pengajaran Tilawah al-Quran dengan cara lebih berkualiti agar para pelajar lebih mahir dalam Tilawah al-Quran.

Kata kunci : amalan pengajaran, Tilawah al-Quran

ABSTRACT

The purpose of this study was to identify teacher perceptions towards the teaching instructions of the reading section of Tilawah al-Quran which is one of the components in the Islamic Education Integration Curriculum for Malaysia Secondary school. A total of 257 teachers from all over Malaysia were selected through stratified and cluster samplings. The teachers were asked to give their responds towards 69 indicators related to teaching instructions of Tilawah al-Quran based on the four components, namely 'lesson induction', 'expansion of lesson', 'lesson closure' and 'teaching aids'. Responses in the questionnaire used 5 units of the likert scale. Descriptive statistics is used to present the data. Results of this study have shown that the practice of these teaching methods are at average level ($\text{min}=3.338$). The findings show that mean for teaching instructions according to the components, namely 'lesson induction' (mean = 3.461), 'lesson closure' (mean= 3.271) and 'teaching aids' (mean= 2.709) are also at average level. The mean for 'expansion of lesson' component is the highest (mean = 3.670). In conclusion, teachers should always try to improve the effectiveness in the teaching of Tilawah al-Quran in order to enhance the mastering of students' with regard to Tilawah al-Quran.

Keywords: teaching instructions, Tilawah al-Quran

PENDAHULUAN

Amalan pengajaran Tilawah al-Quran telah menjadi suatu yang sebatи dalam sistem pendidikan di Malaysia sejak Islam mula tersebar di Malaysia (Ahmad 1997). Kaedah halaqah di hadapan guru merupakan kaedah pembelajaran al-Quran terawal yang dijalankan di Malaysia (Abdullah 1995). Proses pendidikan yang menekankan pembelajaran al-Quran diteruskan walaupun pada zaman penjajah. Ini menunjukkan keprihatinan masyarakat Islam kepada ajaran agama (Mohd Salleh 992). Berdasarkan kepada Penyata Razak 1956, Penyata Rahman Talib 1960 dan Akta Pelajaran 1961, mata pelajaran Agama Islam diajar di semua sekolah yang didaftarkan dan terdapat sekurang-kurangnya 15 orang murid beragama Islam (Abdullah 1995). Maka, pengajaran Tilawah al-Quran tidak terkecuali daripada diajar kepada pelajar sekolah yang termasuk dalam peruntukan 120 minit seminggu.

Sejak dahulu, amalan pengajaran al-Quran merupakan suatu yang sebatи dalam sistem pendidikan di Malaysia. Guru berperanan membentuk pelajar agar menjiwai al-Quran yang bermula dengan mengajar kemahiran membaca al-Quran. Justeru, guru Pendidikan Islam mestilah menimba ilmu yang berkaitan dalam bidang kemahiran al-Quran agar dapat melahirkan pelajar yang dapat menguasai Tilawah al-Quran dengan berkesan.

PERNYATAAN MASALAH

Kajian lepas membuktikan kelemahan yang ketara dalam diri pelajar berkaitan penguasaan kemahiran membaca al-Quran (Raihan 2000; Ramlan 2000; Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak 2000; Farehan 2000; Ramli 2000; Mohamad Sabri 2001; Mohammad Naim 2003; Zulfah 2003 dan Mohd Aderi 2004). Justeru, pengajaran Tilawah al-Quran dalam pendidikan Islam KBSM perlu lebih berkesan bagi melahirkan pelajar yang mahir dalam Tilawah al-Quran setelah mereka mengikuti mata pelajaran Pendidikan Islam selama enam tahun pada peringkat sekolah rendah dan lima tahun pada peringkat sekolah menengah.

Amalan pengajaran Tilawah al-Quran adalah berbentuk mengajar kemahiran. Rohizani et al. (2005) menjelaskan mengajar kemahiran perlu menekankan kepada arahan, demonstrasi dan pemberian kesilapan pelajar. Guru perlu lebih banyak member penekanan kepada membentuk kemahiran pelajar dengan melakukan talaqi dan musyafahah. Namun begitu, dalam kajian Ab. Halim et al. (2004) didapati guru pendidikan Islam kurang melakukan aktiviti talaqi dan musyafahah semasa pengajaran Tilawah al-Quran.

Guru seringkali terhambat dengan kandungan kurikulum pendidikan Islam yang banyak dan masa pengajaran yang terhad. Permasalahan yang timbul adalah sama ada tempoh perlaksanaan pengajaran dan pembelajaran yang ditetapkan ini digunakan sebaik mungkin untuk mengajar Tilawah al-Quran. Untuk tujuan tersebut, guru pendidikan Islam perlu mahir melaksanakan amalan pengajaran Tilawah al-Quran agar dapat meningkatkan penguasaan Tilawah al-Quran pelajar mereka.

Kajian Mohd Alwi et al. (2003), Ab. Halim (2005) dan Ab. Halim et al. (2006) menunjukkan bahawa kelemahan dalam pengajaran pendidikan Islam menyebabkan timbulnya masalah penguasaan kemahiran membaca al-Quran dalam kalangan pelajar. Hal ini juga bertepatan dengan kajian Mohd Aderi (2004) tentang celik al-Quran dalam kalangan pelajar tingkatan satu di Kuala Lumpur yang menunjukkan walaupun

63 peratus daripada responden kajian ialah mereka yang telah khatam al-Quran, tetapi tahap membaca keseluruhan responden adalah pada tahap sederhana dan lemah.

Justeru, memandangkan setakat ini kurang kajian terperinci yang mengkaji pemboleh ubah amalan pengajaran guru, maka pengkaji merasakan kajian ini wajar dijalankan dan merupakan satu keperluan dalam bidang Pendidikan Islam.

OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan perbincangan latar belakang kajian dan pernyataan masalah, maka kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif berikut:

1. Mengenal pasti profil guru pendidikan Islam
2. Mengenal pasti tahap amalan pengajaran guru dalam Tilawah al-Quran.
3. Mengenal pasti tahap amalan pengajaran guru dalam Tilawah al-Quran berdasarkan komponen permulaan pengajaran, perkembangan pengajaran, penutup pengajaran dan alat bantu mengajar.

SOROTAN LITERATUR

Perbincangan dalam bahagian ini adalah berfokuskan kepada Tilawah al-Quran dalam pendidikan Islam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dan amalan pengajaran Tilawah al-Quran.

1. Tilawah al-Quran dalam Pendidikan Islam KBSM

Objektif pengajaran Tilawah al-Quran KBSM merupakan kesinambungan daripada pengajaran Tilawah al-Quran KBSR yang bermatlamat untuk (i) Membantu pelajar memperkuatkannya kemahiran membaca, memahami, menghafaz dan menghayati al-Quran yang diajar pada peringkat sekolah rendah; (ii) Agar para pelajar dapat membaca, memahami dan menghayati kandungan al-Quran serta menghafaz ayat-ayat yang ada kaitan dengan amalan dalam kehidupan harian (Kementerian Pelajaran Malaysia 2005).

Pada masa ini, penekanan kepada Tilawah al-Quran dalam kurikulum pendidikan Islam semakin ketara berikutan daripada keprihatinan Perdana Menteri Malaysia terhadap penguasaan al-Quran yang membawa kepada wujudnya program j-QAF. Antara objektif program j-QAF ialah semua pelajar Islam diharapkan dapat khatam al-Quran semasa belajar di peringkat sekolah rendah lagi. Sebelum ini, bidang Tilawah al-Quran hanya menjurus kepada kebolehan membaca sahaja, manakala aspek khatam tidak ditekankan di sekolah, tetapi menyerahkan kepada masyarakat (Halim Na'am 2005).

Kesimpulannya, dalam pendidikan Islam KBSM, Tilawah al-Quran merupakan antara bidang yang diajar. Bidang Tilawah al-Quran mempunyai ciri yang berbeza dengan mata pelajaran lain kerana ia memberi penekanan kepada kemahiran lisan, aspek kelancaran bacaan, penguasaan kemahiran fasahah, penguasaan kemahiran tilawah bertajwid dan kemahiran bacaan seperti tadvir dan tartil.

2. Amalan Pengajaran Tilawah al-Quran

Amalan pengajaran yang berkesan berfungsi untuk menghasilkan pembelajaran yang efektif di dalam bilik darjah (Al-Syaibani, 1991; Atan, 1993; Ahmad, 1997; Mohd Yusuf,

2000; Mok Soon Sang, 2000). Pelajar hendaklah dilibatkan secara aktif dalam proses pengajaran (al-Hashimi, 1994; Burden et al., 2003; Rohizani et al., 2005) dan pengajaran guru juga hendaklah dirancang di samping memberi pertimbangan kepada kepelbagaiannya pelajar (Ahmad, 1997; Mohd Yusuf, 2000; Mok Soon Sang, 2000). Dalam pengajaran Tilawah al-Quran, ia mempunyai ciri tersendiri berbanding dengan setiap komponen mata pelajaran Pendidikan Islam. Pengajaran Tilawah al-Quran melibatkan kemahiran lisan, kelancaran bacaan, kemahiran fasahah, tilawah bertajwid dan bacaan secara tadwir dan tartil (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2004).

Memandangkan pengajaran Tilawah al-Quran melibatkan pengajaran kemahiran, maka menurut Rohizani et al. (2005), pengajaran perlu menekankan kepada arahan, demonstrasi dan pemberian kesilapan pelajar. Oleh itu, keberkesanan dalam menyampaikan sesuatu isi pelajaran banyak bergantung kepada Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK) yang dimiliki guru (Tickle, 2000). Di samping itu, dalam usaha untuk mewujudkan pengajaran berkesan, guru perlu menguasai isi kandungan mata pelajaran dan peka terhadap gaya pembelajaran pelajar serta strategi pengajaran dan pembelajaran (Shulman, 1987). Manakala amalan pengajaran berkesan menurut Brophy dan Good (1986) ialah amalan pengajaran yang membolehkan ramai pelajar meningkatkan pencapaiannya secara berterusan, tahap pencapaian yang tinggi, sedikit kekeliruan dan tanpa kehilangan momentum daripada satu langkah ke satu langkah.

Merujuk kepada amalan pengajaran Tilawah al-Quran yang berkesan, maka guru pendidikan Islam juga perlu jelas dari segi strategi, pendekatan, kaedah dan teknik yang digunakan semasa mengajar Tilawah al-Quran. Menurut Abdul Raof (1993), gabungan pelbagai aktiviti pengajaran yang melibatkan strategi, pendekatan, kaedah dan teknik akan membawa kepada pengajaran yang berkesan.

Berkaitan dengan strategi pengajaran, menurut Ibnu Khaldun (2000), guru hendaklah memastikan setiap isi pengajaran dan masalah yang timbul semasa proses pengajaran dan pembelajaran diselesaikan dahulu sebelum berpindah kepada tajuk lain. Strategi pengajaran yang dicadangkan oleh Ibnu Khaldun ini dapat membantu pelajar dalam pembelajaran yang berkesan. Oleh itu, dalam pengajaran Tilawah al-Quran, guru hendaklah memastikan pelajar benar-benar dapat menguasai isi pelajaran yang diterangkan oleh guru, agar mereka tidak berterusan gagal menguasai kemahiran bacaan al-Quran. Setelah guru yakin pelajar telah berjaya menguasai kemahiran bacaan al-Quran yang diajar, barulah guru berpindah kepada tajuk pengajaran yang seterusnya.

Terdapat pendekatan yang pelbagai boleh digunakan dalam pengajaran, misalnya daripada konkret kepada abstrak, daripada mudah kepada kompleks, daripada keseluruhan kepada bahagian, daripada umum kepada khusus, daripada spesifik kepada umum, daripada dekat kepada jauh dan daripada diketahui kepada belum diketahui (Ab. Halim 2006). Kesesuaian pendekatan pengajaran berkait rapat dengan jenis pelajar dan jenis pengajaran guru (Ahmad, 1997; Sulaiman, 1997). Untuk amalan pengajaran Tilawah al-Quran yang berkesan, guru pendidikan Islam hendaklah memilih pendekatan yang sesuai. Hal ini kerana tidak ada satu pendekatan yang dianggap terbaik untuk satu-satu mata pelajaran bagi semua pelajar dalam semua keadaan. Antara pendekatan dalam pengajaran Tilawah al-Quran ialah pendekatan induktif (Ahmad, 1997), di mana para guru mengemukakan contoh bacaan al-Quran mengikut sesuatu hukum tajwid dan seterusnya para pelajar mengaplikasikan contoh bacaan guru dalam bacaan al-Quran yang dibaca.

Kaedah pengajaran menurut Mohd Yusuf (2000), Ahmad (1997), Mok Soon Sang dan Lee (1991), Sharifah Alwiah Alsagof (1984) serta Hasan (1981) ialah satu siri tindakan yang sistematik yang bertujuan untuk mencapai objektif pelajaran dengan langkah dan penyampaian yang tersusun. Antara kaedah yang digunakan semasa pengajaran Tilawah al-Quran ialah talaqi dan musyafahah (Mohd Yusuf, 2000). Apa sahaja cara yang guru pendidikan Islam lakukan untuk memberi kefahaman kepada pelajar bagi mencapai objektif pengajaran Tilawah al-Quran, maka itu dinakaman sebagai kaedah.

Al-Kailany (1986) memberikan tujuh panduan kepada guru sebelum mengaplikasi sesuatu kaedah pengajaran, iaitu (i) Kaedah mestilah sesuai dengan tujuan dan matlamat mata pelajaran yang diajar, (ii) Kaedah hendaklah sesuai dengan tabiat (nature) pelajaran yang diajar, (iii) Kaedah mestilah sepadan dan setara dengan umur pelajar, (iv) Kaedah mestilah mampu dilaksanakan oleh guru, (vi) Masa yang mencukupi untuk mengaplikasikan kaedah berkenaan, dan (vii) Kaedah yang dipilih mestilah sesuai dengan kemudahan yang ada. An-Nashmy (1980) mencadangkan agar guru memilih kaedah yang boleh memberi kesan yang mendalam bukan sahaja kepada kefahaman pelajar yang diajar, malah memberi kesan kepada jiwa dan menyentuh perasaan pelajar. Dengan cara ini, pelajar akan memberi tumpuan dan dapat mengingat pelajaran dengan cepat dan bertahan lebih lama.

Ishak (1985) dan Abdul Qadir (1998) mengemukakan empat kaedah pengajaran bacaan al-Quran yang berkesan, iaitu berdasarkan empat kaedah, iaitu (i) Kaedah bacaan at-Tahqiq, iaitu bacaan yang tenang dan tidak tergopoh gapah yang bertujuan untuk mengajar dan menghayati kandungan dan hukum-hukum bacaan al-Quran, (ii) Kaedah bacaan at-Tartil, iaitu bacaan yang tenang dan tidak tergopoh-gapah dan bukan untuk tujuan mengajar. Kaedah ini dilakukan untuk menghayati kandungan al-Quran, (iii) Kaedah bacaan at-Tadwir, iaitu bacaan yang sederhana dan tidak terlalu cepat serta mengawasi hukum tajwid, dan (iv) Kaedah bacaan al-Hadar, iaitu bacaan cepat serta mengawasi segala hukum tajwid. Walau bagaimanapun kaedah pengajaran bacaan Tilawah al-Quran hendaklah memberi penekanan kepada kesalahan bacaan al-Quran (Abdul Qadir Leoong 1998) yang terdiri daripada kesalahan lahu jali dan lahu khafi.

Teknik menurut Ahmad (1997) ialah kemahiran dan pelakuan guru dalam pengelolaan dan pelaksanaan kaedah mengajar dalam sesuatu aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Teknik ialah unit-unit kecil yang terkandung dalam sesuatu kaedah. Contoh teknik dalam pengajaran guru ialah teknik tunjuk cara, teknik menghafal dan latih tubi, teknik bersoal jawab dan teknik bersyarah. Kepelbagaiannya teknik pengajaran membolehkan guru menggunakan dalam pengajaran Tilawah al-Quran. Oleh itu, guru pendidikan Islam hendaklah mengambil kira teknik pengajaran yang sesuai agar wujudnya pengajaran berkesan dan pembelajaran berkualiti. Manakala Azman (1987) mengatakan teknik ialah apa yang dilihat di dalam bilik darjah. Sekiranya guru mengajar bahasa dengan menggunakan alat-alat komunikasi yang canggih dalam makmal bahasa, maka ia satu teknik. Begitu juga sekiranya seorang guru pendidikan Islam mengajar Tilawah al-Quran dengan menggunakan perisian komputer untuk memperdengarkan bacaan, maka ia dikatakan teknik.

Kesepadan strategi, pendekatan, kaedah dan teknik akan meningkatkan lagi kualiti proses pengajaran dan pembelajaran Tilawah al-Quran. Strategi bererti keperluan perancangan sebelum memulakan pengajaran Tilawah al-Quran. guru pendidikan Islam perlu melakukan perancangan yang terbaik dalam usaha untuk menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran Tilawah al-Quran dengan mengambil kira kepelbagaiannya

pelajar, kekangan masa dan pelbagai lagi faktor penghalang pembelajaran. Strategi yang digunakan oleh guru pendidikan Islam adalah berlandaskan kepada pendekatan yang digunakan sebagai asas dalam pengajaran dan pembelajaran Tilawah al-Quran.

Kubiszyn dan Borich (1996) menegaskan bahawa guru boleh memastikan pengajaran yang dilakukan berkesan dengan cara membuat penilaian terhadap amalan pengajaran yang mereka praktikkan. Secara terperinci, penilaian pengajaran melibatkan tiga peringkat, iaitu (i) Peringkat sebelum pengajaran di mana ini dilakukan dengan mengenal pasti tahap pelajar dari segi kognitif, sikap, minat dan perancangan amalan pengajaran yang sesuai, (ii) Peringkat semasa pengajaran di mana guru bersedia dengan soalan yang sesuai kepada pelajar, fokus pelajar yang tepat dan kesesuaian masa untuk mengakhirkan pengajaran, dan (iii) Peringkat selepas pengajaran, iaitu dengan mengenal pasti sejauh mana tahap penguasaan ilmu pelajar dan kesesuaian strategi pengajaran selanjutnya.

Amalan pengajaran Tilawah al-Quran yang berkesan juga dikaitkan dengan sikap kreatif guru yang mana bukan hanya merancang pengajaran, bahkan juga meliputi aspek kreativiti semasa proses pengajaran. Amalan ini penting kerana ia akan menentukan daya tarikan minat pelajar untuk menumpukan perhatian dalam pembelajaran. Ngahlim (1990) berpendapat bahawa punca pelajar hilang tumpuan semasa belajar adalah disebabkan oleh cara guru menerangkan dan menggunakan bahan pengajaran yang membosankan. Oleh itu, usaha harus dilakukan agar suasana amalan pengajaran yang kreatif dapat diwujudkan semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlaku di dalam bilik darjah.

Gorman (2000) menyatakan bahawa media yang menarik dan sesuai dengan pembelajaran dapat menarik perhatian dan tumpuan belajar di dalam bilik darjah. Amalan pengajaran yang sebaliknya akan menimbulkan suasana kelas yang membosankan. Begitu juga penggunaan media yang tidak tepat menjadikan amalan kreatif guru menimbulkan kebosanan pelajar untuk mengikuti pembelajaran di dalam bilik darjah. Hal ini bertepatan dengan pandangan Burden dan Byrd (2003) yang mencadangkan agar para guru mewujudkan kepelbagaiannya aktiviti ketika mengajar bagi menjamin keberkesanannya pengajaran dengan memberi tumpuan kepada pengajaran berdasarkan pelajar.

Amalan pengajaran Tilawah al-Quran yang berkesan juga berkait rapat dengan sifat dan ciri-ciri yang dimiliki oleh seorang guru. Al-Nahlawi (1988) menyenaraikan 10 sifat dan ciri guru berteraskan ajaran Islam, iaitu seperti berikut:

1. Guru hendaklah segala tujuan, tingkah laku dan pemikirannya bersifat Rabbani, iaitu sentiasa didasari dengan tuntutan Islam.
2. Guru itu seorang yang ikhlas, iaitu segala usaha yang dilakukan adalah bertujuan untuk mendapat keredhaan Allah.
3. Guru sentiasa bersabar dalam melaksanakan tanggungjawab jawatan dan tugasnya.
4. Guru hendaklah jujur dengan apa yang disampaikan. Antara tanda sifat kejujuran itu ialah guru melaksanakan apa yang diajar.
5. Guru hendaklah sentiasa berusaha menambah ilmu pengetahuan yang berkaitan serta berbincang mengenainya.
6. Guru hendaklah berusaha mempelbagaikan kaedah pengajaran dan teliti dalam pelaksanaan.
7. Guru mampu mengawal dan menguasai pelajar dengan cara yang baik serta tegas dalam proses pengajaran dan pembelajaran.
8. Guru mengambil tahu tahap kebolehan pelajar yang diajar bagi memastikan kaedah yang betul dapat digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

9. Guru peka dengan perkembangan semasa dan pengaruhnya terhadap perkembangan pelajar, agar pendekatan terbaik dapat digunakan dalam menangani masalah pengajaran dan pembelajaran.
10. Guru hendaklah bersifat adil terhadap pelajar dengan tidak menunjukkan kecenderungan ketara terhadap golongan pelajar tertentu.

Seterusnya al-Kailany (1986) menegaskan guru harus pandai menyesuaikan diri, gaya bercakap, bercerita, menegur, membaca dan sebagainya mengikut tahap umur pelajar. Hal ini bertepatan dengan sabda Nabi Muhammad S.A.W "Kami disuruh bercakap dengan orang ramai mengikut perkembangan akal fikiran mereka" (Mohammad Nasir, 1978). Selanjutnya, Imam al-Ghazali (t.th.) dalam kitabnya Ihya Ulumuddin, berpendapat guru harus mempunyai tujuh sikap yang baik supaya pengajarannya mendatangkan kesan yang baik kepada pelajar seperti (i) Sayang kepada pelajar sepertimana mereka sayangkan anak sendiri, (ii) Ikhlas menyampaikan ilmu kepada pelajarnya kerana pengajaran adalah tuntutan dalam agama (iii) Selalu menasihati pelajar agar mengamalkan akhlak yang baik dan menjauhi larangan Allah, (iv) Menjauhi perbuatan yang buruk atau akhlak yang jahat, (v) Janganlah menghina guru lain, lebih-lebih lagi di hadapan para pelajar, (vi) Pandai menyesuaikan diri dengan tahap umur pelajarnya, dan (vii) Beramal dengan ilmu tersebut.

Manakala Dill (1990) berpendapat bahawa untuk menjadi seorang guru yang terbaik dari segi sikap, guru haruslah mempunyai lima ciri berikut, iaitu (i) Mempunyai kemahiran asas yang tinggi sebagai keperluan semasa pengajaran, (ii) Menguasai kepakaran dalam disiplin ilmu, (iii) Pandai mengaitkan ilmu dan pengalaman yang dimiliki untuk digunakan semasa proses pengajaran, (iv) Sentiasa peka dalam menilai pencapaian pelajar untuk tujuan pemberian pengajaran, dan (v) Mempunyai sifat ikhlas dan berautoriti dalam ilmu yang disampaikan.

Kesimpulannya, bagi pengajaran Tilawah al-Quran yang berkesan melibatkan peranan guru pendidikan Islam sebagai murabbi, muallim, muaddib, murshid dan mudarris. Berdasarkan peranan ini, guru pendidikan Islam bukan sahaja bertanggungjawab untuk menyampaikan ilmu Tilawah al-Quran semata-mata, malah untuk membentuk keperibadian pelajar sebagai persediaan kepada kehidupan seterusnya. Berdasarkan perbincangan ini juga menunjukkan bahawa betapa pentingnya gabungan ciri pengajaran yang efektif dan sifat-sifat guru Pendidikan Islam yang efektif dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan satu kajian lapangan yang mengkaji tentang persepsi guru di sekolah menengah harian Malaysia berkaitan amalan pengajaran Tilawah al-Quran. Kajian ini melibatkan sebanyak 257 orang responden guru. Sampel kajian adalah dipilih secara rawak berstrata dan berkelompok dari seluruh Malaysia. Zon yang terlibat ialah Zon Utara yang diwakili negeri Perak, Zon Selatan yang diwakili negeri Melaka, Zon Timur diwakili negeri Kelantan, Zon Barat diwakili Kuala Lumpur dan Zon Malaysia Timur diwakili negeri Sarawak.

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan soal selidik yang dibina oleh pengkaji. Keseluruhan item ialah 69 item yang mempunyai kesahan konstruk, kesahan kandungan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Item-item ini digunakan untuk mengenap pasti amalan pengajaran guru dalam Tilawah al-Quran bahagian bacaan. Perincian bagi nilai

Alpha Cronbach yang digunakan untuk mengukur nilai kebolehpercayaan instrumen soal selidik seperti dalam Jadual 1. Nilai kebolehpercayaan bagi komponen permulaan pengajaran ialah 0.7727, komponen perkembangan pengajaran ialah 0.8905, komponen penutup pengajaran ialah 0.8408 dan komponen alat bantu mengajar ialah 0.8020. Analisis keseluruhan instrumen soal selidik amalan pengajaran guru menunjukkan nilai kebolehpercayaan yang tinggi, iaitu 0.9246.

Jadual 1 : Nilai Pekali Kebolehpercayaan Instrumen Soal Selidik

Pemboleh ubah	Nilai Alpha Cronbach
Amalan Pengajaran	0.9246
Permulaan Pengajaran	0.7727
Perkembangan Pengajaran	0.8905
Penutup Pengajaran	0.8408
Alat Bantu Mengajar	0.8020

Skala Likert lima mata digunakan dalam kajian ini. Kaedah skor yang digunakan ialah Sangat Tidak Setuju (STS) dengan skor 1 mata, Tidak Setuju (TS) dengan skor 2 mata, Kurang Pasti (KP) dengan skor 3 mata, Setuju (S) dengan skor 4 mata dan Sangat Setuju (SS) dengan skor 5 mata digunakan dalam kajian ini. Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif yang melibatkan kekerapan, peratusan dan min.

DAPATAN KAJIAN

Responden kajian terdiri daripada 257 orang guru, iaitu 61 orang (23.7%) guru lelaki dan 196 orang (76.3%) guru perempuan yang mengajar pelajar tingkatan dua di 100 buah sekolah menengah kebangsaan harian ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2 : Taburan Responden Guru berdasarkan Jantina

Jantina	Frekuensi	Peratus
Lelaki	61	23.7
Perempuan	196	76.3
Jumlah	257	100

Dapatan kajian dalam Jadual 3 menunjukkan bahawa seramai 129 orang (50.2%) mempunyai kelulusan Kursus Perguruan Lepasan Ijazah dan seramai 99 orang (38.5%) berkelulusan Diploma Pendidikan. Manakala seramai 29 orang (11.3%) tidak mempunyai kelulusan Kursus Perguruan Lepasan Ijazah dan Diploma Pendidikan.

Jadual 3 : Taburan Responden Guru berdasarkan Kelulusan Ikhtisas

Kelulusan Ikhtisas	Frekuensi	Peratus
Kursus Perguruan Lepasan Ijazah	129	50.2
Diploma Pendidikan	99	38.5
Lain-lain	29	11.3
Jumlah	257	100

Jadual 4 menunjukkan statistik kelulusan akademik yang tertinggi bagi responden guru. Majoriti daripada mereka mempunyai kelulusan peringkat Ijazah Sarjana Muda, iaitu 242 orang (94.2%), manakala seramai 15 orang (5.8%) berkelulusan Sarjana.

Jadual 4 : Taburan Responden Guru berdasarkan Kelulusan Akademik

Kelulusan Akademik	Frekuensi	Peratus
Sarjana	15	5.8
Ijazah Sarjana Muda	242	94.2
Jumlah	257	100

Jadual 5 menunjukkan taburan responden berdasarkan bilangan waktu mengajar secara terperinci. Majoriti responden guru mempunyai jumlah waktu mengajar pendidikan Islam sebanyak 24 waktu seminggu seramai 93 orang (36.2%) dan diikuti 26 waktu seminggu seramai 40 orang (15.6%). Manakala dapatan kajian berkaitan jumlah waktu mengajar berdasarkan kategori didapati kategori 12-16 waktu adalah seramai 23 orang (8.95%), 18-22 waktu seramai 52 orang (20.23%), 23-26 waktu seramai 144 orang (56.03%) dan 27-34 waktu seramai 38 orang (14.79%).

Jadual 5 : Taburan Responden Guru berdasarkan Bilangan Waktu Mengajar

Bilangan Waktu Mengajar	Frekuensi	Peratus
12	9	3.5
14	5	1.9
15	1	0.4
16	8	3.1
18	21	8.2
20	15	5.8
21	1	0.4
22	15	5.8
23	5	1.9
24	93	36.2
25	6	2.3
26	40	15.6
27	17	6.6
28	19	7.4
30	1	0.4
34	1	0.4
Jumlah	257	100

Jadual 6 memaparkan dapatan kajian tentang kursus berkaitan Tilawah al-Quran yang dihadiri oleh responden guru sepanjang perkhidmatan mereka sebagai guru. Seramai 163 orang (63.4%) guru pendidikan Islam tidak pernah mengikuti apa-apa kursus yang berkaitan Tilawah al-Quran. Manakala yang pernah menghadiri kursus berkaitan Tilawah al-Quran adalah seramai 94 orang (36.6%) daripada keseluruhan responden kajian.

Berdasarkan perbincangan dapatan kajian berkaitan profil responden guru didapati bahawa majoriti responden guru ialah perempuan, iaitu 76.3 peratus. Dari segi kelulusan ikhtisas majoritinya (50.2%) berkelulusan Kursus Perguruan Lepas Ijazah. Manakala dari segi kelulusan akademik tertinggi, peratusan yang besar ialah berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (94.2%). Seterusnya dari segi jumlah waktu mengajar, majoriti (36.8%) daripada guru pendidikan Islam mengajar 24 waktu seminggu. Dari segi menghadiri kursus yang berkaitan dengan Tilawah al-Qurah, lebih daripada separuh guru pendidikan Islam (63.4%) tidak pernah menghadiri kursus berkaitan Tilawah al-Quran.

Jadual 6 : Taburan Responden Guru berdasarkan Kursus Tilawah al-Quran

Kursus Berkaitan TQ	Frekuensi	Peratus
Ya	94	36.6
Tidak	163	63.4
Jumlah	257	100

Seterusnya Jadual 7 menunjukkan taburan dapatan kajian berkaitan persepsi responden guru iaitu sebanyak 162 orang (63%) mempunyai skor min di antara 2.34 hingga 3.66 iaitu pada tahap sederhana bagi amalan pengajaran guru. Manakala hanya 95 (37%) mendapat skor min pada tahap tinggi, iaitu di antara 3.67 hingga 5.00. Keseluruhannya, tahap skor min amalan pengajaran guru ialah 3.534. Ini menunjukkan bahawa tahap amalan pengajaran guru pendidikan Islam berada pada tahap sederhana.

Jadual 7 : Taburan Skor Amalan Pengajaran Guru

Skor Min	Frekuensi	Peratus	Interpretasi Skor Min
1.00 hingga 2.33	0	0	Rendah
2.34 hingga 3.66	162	63	Sederhana
3.67 hingga 5.00	95	37	Tinggi
Jumlah	257	100	

Min Keseluruhan = 3.534, Sisihan Piawai = 0.406

Selanjutnya taburan dapatan kajian amalan pengajaran guru secara terperinci bagi komponen permulaan pengajaran ditunjukkan dalam Jadual 8. Tahap min keseluruhan bagi amalan pengajaran guru berdasarkan komponen permulaan pengajaran berada pada tahap sederhana, iaitu 3.638.

Jadual 8 : Taburan Data Pemboleh Ubah Amalan Pengajaran Guru
Komponen Permulaan Pengajaran

Item	Pernyataan	Peratus				
		TP	TK	AK	K	SK
01	Guru memulakan pengajaran dengan melaksanakan set induksi semasa mengajar TQ	2.3	32.7	26.5	33.9	4.7
02	Guru saya memperkenalkan tajuk pengajaran setiap kali mengajar TQ	0.4	2.3	14.8	46.3	36.2
03	Guru meminta saya membaca potongan ayat al-Quran	0.8	11.7	16.7	40.5	30.4
04	Guru melakukan aktiviti-aktiviti yang menarik perhatian saya untuk belajar TQ	16.7	48.2	22.2	10.5	2.3
05	Set induksi yang digunakan guru dapat menarik perhatian saya dalam pembelajaran TQ	1.6	21.8	24.1	38.9	13.6
06	Guru saya menepati waktu semasa memulakan pengajaran TQ Guru saya menyusun langkah-langkah pengajaran TQ secara sistematis	0.4	5.1	17.5	56.4	20.6
07	Guru saya mempelbagaikan set induksi setiap kali pengajaran TQ	1.6	14.8	21.0	46.3	16.3
08	Guru saya memulakan pengajaran TQ dengan mengaitkan pengetahuan sedia ada	2.7	16.3	25.3	44.4	11.3
09	Guru saya terlebih dahulu memastikan pelajar bersedia setiap kali pengajaran	0	3.5	15.6	46.7	34.2
10	Soalan yang dikemukakan masa permulaan pengajaran merangsang semangat belajar	1.2	4.3	17.1	51.0	26.5
11	Guru terus mengajar TQ setiap kali mengajar tanpa berosal jawab dengan saya	0	11.3	21.0	49.0	18.7
12	Guru memulakan pengajaran TQ dengan bacaan contoh ayat al-Quran	20.2	47.1	23.3	8.9	0.4
Min Keseluruhan 3.638 Sisihan Piawai 0.436		0.4	6.2	16.0	40.1	37.4

Jadual 9 : Taburan Data Pemboleh Ubah Amalan Pengajaran Guru Komponen Perkembangan Pengajaran

Item	Pernyataan	Peratus				
		TP	TK	AK	K	SK
01	Guru saya mengajar dengan menggunakan pelbagai teknik pengajaran	0	2.7	20.2	46.3	30.7
02	Guru saya mengajar dengan menggunakan pelbagai kaedah pengajaran	0	9.7	22.6	40.9	26.8
03	Guru saya melakukan perubahan pengajaran berdasarkan kemajuan pelajar	0.4	14.4	28.8	40.5	16.0
04	Guru saya memberikan bacaan setiap pelajar yang bermasalah semasa pengajaran.	3.9	6.2	10.9	24.1	54.9
05	Guru saya mengaitkan pembelajaran al-Quran dengan bacaan dalam solat.	0.4	5.1	23.7	42.8	28.0
06	Guru saya mengaitkan pembelajaran al-Quran dengan ilmu tajwid setiap kali mengajar	0.4	7.0	15.6	42.4	34.6
07	Guru saya menekankan perasaan khusyuk ketika membaca al-Quran.	0	10.9	21.8	43.6	23.7
08	Guru saya mengajar Tilawah al-Quran dengan <i>taramum</i> (bacaan berlagu).	25.3	41.6	19.1	10.5	3.5
09	Guru saya memberi penekanan pengajaran kepada pelajar yang lemah.	0.8	7.8	12.1	43.2	36.2
10	Guru saya menekankan adab terhadap al-Quran ketika mengajar Tilawah al-Quran	0	0.8	11.3	39.7	48.2
11	Penerangan guru semasa mengajar bacaan al-Quran mudah difahami oleh saya.	0.4	2.7	12.1	43.2	41.6
12	Guru saya menunjukkan bacaan contoh yang menarik di setiap kali pengajaran TQ	1.2	8.6	24.9	38.5	26.8
13	Guru menggalakkan saya mengambil bahagian dalam aktiviti pembelajaran al-Quran	0	2.3	19.1	42.0	36.6
14	Guru menggalakkan saya menguasai bacaan al-Quran dengan bertajwid.	0.4	3.9	14.4	47.1	34.2
15	Guru melibatkan rakan-rakan saya untuk mengajar al-Quran secara berkumpulan.	2.3	11.3	21.8	40.9	23.7
16	Guru menyemangat mengajar walaupun kepada pelajar yang lemah bacaan al-Quran	1.6	8.6	13.2	33.9	42.8
17	Guru bersemangat mengajar walaupun kepada pelajar yang lemah bacaan al-Quran dengan tersusun dan lancar	0	5.4	24.1	52.1	18.3
18	Guru saya memberi perhatian kepada setiap individu semasa mengajar.	0.8	5.1	30.0	45.5	18.7
19	Guru saya mengambil kira setiap kebolehan pelajar semasa mengajar TQ	2.3	11.3	11.7	37.0	37.7
20	Cara pengajaran guru saya mengambil kira minat pelajar terhadap pengajaran.	0.8	7.4	22.6	51.0	18.3
21	Guru saya tidak dapat mengawal bilik darjah dengan baik semasa mengajar TQ	0.4	8.2	29.2	47.5	14.8
22	Guru saya menjawab persoalan pelajar dalam bilik darjah dengan jelas.	2.7	4.3	12.1	38.9	42.0
23	Guru saya membuat latih tubi kepada pelajar yang lemah penguasaan TQ	0.8	3.1	15.6	44.0	36.6
24	Guru saya menekankan bacaan al-Quran walaupun mengajar bidang kefahaman ayat.	2.3	20.6	31.9	37.7	7.4
25	Guru saya dapat menyampaikan pengajaran yang menarik.	0.4	12.8	31.9	41.2	13.6
26	Guru saya meminta setiap pelajar mengulang-ulang bacaan yang diajar.	3.1	16.7	27.6	40.1	12.5
27	Guru saya menyediakan tambahan untuk pelajar yang lemah dalam TQ	0.8	7.0	19.8	47.9	24.5
28	Guru saya memberi peluang kepada pelajar untuk mengambil bahagian secara aktif	10.1	40.5	27.6	16.7	5.1
29	Guru saya membahagikan pelajar mengikut kumpulan kecil untuk aktiviti pembelajaran	1.2	4.7	21.4	54.5	18.3
30	Guru saya memberi pujian kepada pelajar yang dapat menguasai bacaan al-Quran	3.1	22.2	32.7	30.7	11.3
31	Guru saya tidak menggunakan <i>naqib</i> untuk aktiviti pembelajaran	1.9	16.7	21.8	39.7	19.8
32	Guru memberi pujian kepada pelajar yang dapat menguasai bacaan al-Quran	0.4	0.8	10.5	49.8	38.5
33	Guru saya mempelbagaikan contoh hukum tajwid semasa mengajar bacaan al-Quran	0.8	8.6	19.5	44.4	26.8
34	Guru saya dapat mengajar TQ walaupun peruntukan masa pengajaran terhad	3.1	22.6	25.7	38.5	10.1
35	Guru saya mempunyai waktu untuk memberi tumpuan kepada pelajar yang lemah TQ	4.7	47.5	27.6	14.8	5.4

Manakala bagi komponen perkembangan pengajaran ditunjukkan dalam Jadual 9. Secara keseluruhan, komponen perkembangan pengajaran berada pada tahap tinggi, iaitu 3.748. Walau bagaimanapun, nilai ini adalah nilai pada aras yang terendah untuk nilai tahap min tinggi.

Seterusnya bagi komponen penutup pengajaran, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap min keseluruhan item berada pada tahap min sederhana (3.495). Manakala analisis terperinci dalam bentuk peratusan ditunjukkan dalam Jadual 10.

**Jadual 10 : Taburan Data Pemboleh Ubah Amalan Pengajaran Guru
Komponen Penutup Pengajaran**

Item	Pernyataan	Peratus				
		TP	TK	AK	K	SK
01	Guru saya merumuskan pengajaran Tilawah al-Quran yang disampaikan.	1.2	8.9	19.8	45.9	24.1
02	Guru saya meminta pelajar menjelaskan isi-isi pelajaran berkaitan cara bacaan TQ	3.5	17.9	24.5	40.9	13.2
03	Guru saya membimbing pelajar untuk merumuskan pelajaran berkaitan hukum tajwid.	2.3	15.2	30.7	40.5	11.3
04	Guru saya merekod kelemahan setiap pelajar untuk tindakan selanjutnya	1.6	30	35.4	26.5	6.6
05	Guru saya mengenal pasti pelajar yang lemah dalam penguasaan al-Quran	0.8	6.6	24.5	50.6	17.5
06	Guru saya berbincang dengan pelajar untuk meningkatkan penguasaan al-Quran.	2.7	9.3	17.5	50.2	20.2
07	Guru saya menggalakkan pelajar menilai kelemahan mereka dalam bacaan al-Quran	1.6	9.7	22.6	52.5	13.6
08	Guru saya meminta pelajar menulis kesimpulan pelajaran TQ dalam buku catatan	16	24.9	15.2	30.7	13.2
Min Keseluruhan 3.495 Sisihan Piawai 0.629						

Objektif terakhir kajian amalan pengajaran guru berkaitan komponen alat bantu mengajar menunjukkan tahap min keseluruhan berada pada tahap yang rendah, iaitu 2.831. Analisis terperinci berdasarkan peratusan ditunjukkan dalam Jadual 11.

**Jadual 11 : Taburan Data Pemboleh Ubah Amalan Pengajaran Guru
Komponen Alat Bantu Mengajar**

Item	Pernyataan	Peratusan				
		TP	TK	K	K	SK
01	Guru menggunakan alat bantu yang terkini untuk mengajar TQ	19.8	40.5	19.5	15.2	5.1
02	Guru saya menggunakan alat bantu mengajar yang menarik untuk pengajaran TQ	14	36.6	29.6	15.2	4.7
03	Guru saya mempelbagaikan alat bantu mengajar setiap kali pengajaran TQ	1.9	14.8	24.9	42.8	15.6
04	Guru saya menggunakan kitab al-Quran sebagai bahan pengajaran TQ	10.5	22.6	33.5	24.5	8.9
05	Guru menyediakan peta minda hukum tajwid sebagai alat bantu mengajar	8.6	21.4	28.4	33.9	7.8
06	Alat bantu mengajar yang guru sediakan membantu saya menguasai TQ	5.4	20.2	34.6	33.1	6.6
07	Penggunaan alat bantu mengajar oleh guru menarik perhatian saya	7	28.8	35.0	23.3	5.8
08	Guru saya hanya menggunakan buku teks sebagai alat bantu mengajar	6.2	22.6	26.5	31.1	13.6
09	Guru saya menggunakan perisian komputer untuk mengajar TQ	42	27.6	18.7	8.2	3.5
10	Guru saya menggunakan pita rakaman semasa mengajar TQ	6.6	15.2	17.5	32.3	28.4
11	Guru saya sering menggunakan kertas mahjung	30.4	31.1	24.5	11.3	2.7
12	Guru saya sering menggunakan lembaran kerja ketika mengajar	11.3	32.3	28	21	7.4
13	Guru saya mengajar TQ dengan menggunakan transparensi OHP	39.7	30	16.7	8.9	4.7
Min Keseluruhan 2.831 Sisihan Piawai 0.465						

Berdasarkan Jadual 12, dapatan kajian menunjukkan bahawa komponen perkembangan pengajaran mempunyai skor min tertinggi (skor min = 3.748, sisihan piaawai = 0.474) di mana skor minimum ialah 2.37 dan skor maksimum ialah 4.94. Komponen kedua tertinggi ialah permulaan pengajaran (skor min = 3.638, sisihan piaawai = 0.436) di mana skor minimum ialah 2.46 dan skor maksimum ialah 4.62. Seterusnya komponen penutup pengajaran menunjukkan skor ketiga tertinggi (skor min = 3.495, sisihan piaawai = 0.629) di mana skor minimum ialah 1.63 dan skor maksimum ialah 5.00. Komponen terakhir iaitu alat bantu mengajar mempunyai skor min terendah dalam amalan pengajaran guru (skor min = 2.831, sisihan piaawai = 0.465) di mana skor minimum ialah 1.62 dan skor maksimum 4.15.

Jadual 12 : Taburan Skor Min Komponen Amalan Pengajaran Guru

Komponen Amalan Pengajaran Guru	Skor Min	S.P	Tahap	Skor Min.	Skor Mak.
Permulaan	3.638	0.436	Sederhana	2.46	4.62
Perkembangan	3.748	0.474	Tinggi	2.37	4.94
Penutup	3.495	0.629	Sederhana	1.63	5.00
Alat Bantu Mengajar	2.831	0.465	Sederhana	1.62	4.15

PERBINCANGAN

Kebolehan pelajar untuk menguasai kemahiran Tilawah al-Quran merupakan matlamat penting yang hendak dicapai menerusi proses pengajaran dan pembelajaran Tilawah al-Quran di dalam bilik darjah apatah lagi daripada aspek kefahaman, amalan dan penghayatan. Berdasarkan dapatan kajian memperlihatkan jika sekiranya penguasaan Tilawah al-Quran ingin dipertingkatkan, maka amalan pengajaran Tilawah al-Quran hendaklah diberi penekanan daripada pelbagai aspek pedagogi dan ciri seorang guru al-Quran. Abdul Raof (1993) menjelaskan bahawa gabungan pelbagai aktiviti pengajaran yang melibatkan strategi, pendekatan, kaedah dan teknik akan membawa kepada pengajaran yang berkesan. Oleh itu, guru pendidikan Islam perlu menguasai segala aspek strategi, pendekatan, kaedah dan teknik yang berkaitan dengan Tilawah al-Quran.

Seterusnya, bagi meningkatkan amalan pengajaran Tilawah al-Quran, guru hendaklah peka kepada penguasaan Tilawah al-Quran setiap individu pelajar. An-Nashmy (1980) mencadangkan agar guru memilih kaedah yang boleh memberi kesan yang mendalam bukan sahaja kepada kefahaman setiap individu pelajar yang diajar, malah memberi kesan kepada jiwa dan menyentuh perasaan setiap individu pelajar. Dengan cara ini, pelajar akan memberi tumpuan dan dapat mengingat pelajaran dengan cepat dan bertahan lebih lama.

Amalan pengajaran Tilawah al-Quran yang berkesan akan meningkatkan kualiti pengajaran guru pendidikan Islam. Ini dikaitkan dengan sifat kreatif guru yang mana bukan sahaja setakat merancang pengajaran, bahkan juga meliputi kreatif semasa proses pengajaran. Amalan ini penting kerana ini akan menentukan daya tarikan minat pelajar untuk menumpukan perhatian dalam pembelajaran. Ngalim (1990) berpendapat bahawa punca para pelajar hilang tumpuan semasa belajar di dalam bilik darjah adalah disebabkan oleh cara guru menerangkan dan menggunakan bahan pengajaran yang membosankan. Oleh itu, usaha harus dilakukan agar suasana amalan pengajaran yang kreatif dapat diwujudkan semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlaku di dalam bilik darjah.

Kesimpulannya, bagi menjamin kualiti penguasaan Tilawah al-Quran dalam kalangan pelajar, guru pendidikan Islam perlu menggiatkan lagi usaha semasa proses pengajaran Tilawah al-Quran. Ini boleh dilakukan dengan menambahkan lagi maklumat berkaitan keadaan pengajaran Tilawah al-Quran dengan menghadiri kursus perkaedahan pengajaran Tilawah al-Quran dan juga perbincangan dengan rakan guru pendidikan Islam.

IMPLIKASI KAJIAN

Dalam kajian ini pemboleh ubah amalan pengajaran guru menunjukkan skor min yang sederhana. Sehubungan itu jika guru pendidikan Islam ingin meningkatkan penguasaan murid dalam Tilawah al-Quran, maka guru pendidikan Islam hendaklah memastikan amalan pengajaran Tilawah al-Quran di dalam bilik darjah benar-benar memberi kesan kepada pelajar. Pelbagai usaha perlu dilakukan oleh guru pendidikan Islam agar pelajar tidak berterusan lemah dalam penguasaan Tilawah al-Quran. Oleh itu, dapatan kajian ini menunjukkan betapa pentingnya komponen-komponen dalam amalan pengajaran guru ini diberi penekanan dalam proses meningkatkan pencapaian Tilawah al-Quran pelajar.

KESIMPULAN

Kajian ini bermanfaat secara umumnya kepada guru-guru yang mengajar Tilawah al-Quran, manakala secara khususnya bagi guru pendidikan Islam yang ingin meningkatkan penguasaan pelajar dalam Tilawah al-Quran. Justeru, guru hendaklah memastikan amalan pengajaran Tilawah al-Quran dalam bilik darjah benar-benar memberi kesan kepada para pelajar. Pelbagai usaha perlu dilakukan oleh guru pendidikan Islam agar para pelajar tidak berterusan lemah dalam penguasaan Tilawah al-Quran. Berdasarkan dapatan kajian ini, jelas menunjukkan bahawa pentingnya komponen-komponen dalam amalan pengajaran guru ini diberi penekanan bagi meningkatkan pencapaian Tilawah al-Quran dalam kalangan pelajar. Kesimpulannya, amalan pengajaran guru dalam Tilawah al-Quran memainkan peranan penting demi menjamin penguasaan pelajar dalam kemahiran bacaan al-Quran dan lahirnya generasi celik al-Quran.

RUJUKAN

- Abdullah Ishak. (1995). Pendidikan Islam dan pengaruhnya di Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Abdul Qadir Leong. (1998). Tajwid al-Quran rasm 'uthmani. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Ab. Halim Tamuri. (2005). Isu-isu dalam amalan pengajaran guru-guru pendidikan Islam di sekolah rendah dan menengah. Prosiding Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri Ke-4. Fakulti Pendidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ab. Halim Tamuri. (2006). Modul pengajaran dan pembelajaran tafhiz al-Quran: pendekatan masa kini. Konvensyen Pensyarah Tafhiz Peringkat Kebangsaan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ab. Halim Tamuri, Adnan Yusopp, Kamisah Osman, Shahrin Awaluddin, Zamri Abdul Rahim & Khadijah Abdul Razak. (2004). Keberkesanan kaedah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam ke atas pembangunan diri pelajar. Laporan Penyelidikan Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Ab. Halim Tamuri, Khadijah Abdul Razak, Shahrin Awaluddin, Kamarulzaman Abdul Ghani & Mohd Aderi Che Noh. (2006). Kajian amalan pengajaran Pendidikan Islam

- di sekolah rendah dan menengah. Prosiding Seminar IRPA RMK-8, Kategori ERK 2006, Jilid 11. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Raof Dalip. (1998). Teknik pengajaran dan pembelajaran agama Islam di sekolah menengah. Dlm. Pendidikan di Malaysia. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Mohd Salleh. (1997). Pendidikan Islam: Falsafah, pedagogi dan metodologi. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Al-Kailani, Taisir & Iyad, Mulhim. (1986). At-taujih al-fanny fi usul at-tarbiyah wa tadrис. Beirut: Maktabah Lubnan.
- Al-Nahlawi, Abdul Rahman. (1988). Usul al-tarbiyah al-Islamiyah wa asalibuhā. Damsyik: Dar al-Fikr.
- An-Nashmy, Ajil Jasim (1980). Ma'alim fi tarbiyah. Kuweit: Maktabah al-Manar.
- Al-Syaibani, Omar Muhammad al-Toumy. (1991). Falsafah Pendidikan Islam. Hassan Langgulung. (Terj.). Shah Alam: Hizbi.
- Atan Long. (1993). Pedagogi kaedah am mengajar. Petaling Jaya: Amiza Publishing Sdn. Bhd.
- Azman Wan Chik. (1986). Kaedah hayati amali: satu pendekatan mengajar Pendidikan Islam. Kuala Lumpur: Karya Bistari.
- Brophy, J. E. & Good, T. L. (1986). Teacher Behavior and student Achievement. Dlm. M.C Wittrock. (Eds.). Handbook of research on teaching. Ney York: McMillan.
- Burden, P. R. & Byrd, D. M. (2003). Methods for effective teaching. Boston: Allyn & Bacon.
- Cohen, P. A. (1981). Student ratings of instruction and student achievement: A meta-analysis of multi section validity studies. Review of Educational Research, 51: 281-309.
- Dill, D. D. (1990). What teachers need to know: The knowledge, skills and values essential to good teaching. San Francisco: Jossey-Bass.
- Farehan Mohd Hani. (2000). Kemahiran membaca nun sakinah di kalangan pelajar tingkatan tiga di sebuah sekolah menengah di daerah Petaling. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Feldman, K. A. (1989). Instructional effectiveness of college teachers as judged by teachers themselves, current and former students, colleagues, administrators and external observers. Research in Higher Education, 30 (2): 137-194.
- Ghazali Basri. (1991). Pendidikan Islam dalam sistem pendidikan kebangsaan: satu analisis. Jurnal Pendidikan Islam. Jilid 4: Disember.
- Gorman, J. M. (2000). Theory of personality and learning process. New York: John Wiley and Sons.
- Halim Na'am. (2005). Pelaksanaan j-Qaf. Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri ke-4. Fakulti Pendidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hassan Langgulung. (1981). Beberapa tinjauan dalam pendidikan Islam. Kuala Lumpur: Pustaka Aman.
- Ibn Khaldun. (2000). Muqadimah Ibn Khaldun. Terj. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Ishak Abbas. (1985). Memahami tajwid dan tartil al-Quran. Kuala Lumpur: Sri Kota.
- Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak. (2000). Laporan status kadar celik al-Quran sekolah-sekolah kebangsaan Negeri Sarawak.
- Kamarulzaman Abdul Ghani, Khadijah Abdul Razak & Mohamed Amin Embi. (2003). Tahap amalan pengajaran guru-guru Pendidikan Islam dan Bahasa Arab: Satu kajian di sekolah-sekolah menengah agama di Kelantan. Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri 2. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2004b). Huraian sukanan pelajaran pendidikan Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2005). Modul pengajaran pendidikan Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

- Kubiszyn, T. & Borich, G. (1996). *Educational testing and measurement*. New York: Harper Collins College Publishers.
- Mohamad Sabri Satar. (2001). Keberkesanan kaedah Hattawiyyah dalam pembelajaran tilawah al-Quran. Projek Penyelidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohammad Naim Mat Salleh. (2003). Pencapaian tilawah al-Quran melalui Kaedah Iqra' di sekolah-sekolah rendah kebangsaan daerah Setiu, Terengganu Projek Penyelidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Aderi Che Noh. (2004). Celik al-Quran di kalangan pelajar tingkatan satu Zon Pudu Kuala Lumpur. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Mohd Alwi Yusoff, Adel M. Abdulaziz & Ahmad Kamel Mohamed. (2003). Keberkesanan Iqra' sebagai kaedah pembelajaran membaca al-Quran. Dlm. Isu semasa Pengajian Quran dan Sunnah, 101-114. Bangi: Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Kolej Universiti Islam Malaysia
- Mohd Majid Konting & Zakaria Kasa. (2002). Pengetahuan dan kemahiran pengajaran: Satu kajian kes di kalangan guru pelatih Universiti Putra Malaysia. Seminar Kebangsaan Pendidikan Guru. Alor Star.
- Mohd Salleh Lebar. (1992). Perubahan dan kemajuan pendidikan di Malaysia. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Mohd Yusuf Ahmad. (2000). *Sejarah dan Kaedah Pendidikan al-Quran*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Mok Soon Sang. (2000). *Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd
- Mok Soon Sang & Lee Shok Mee. (1991). *Pedagogi 3: Bahagian A pengajaran dan persediaan mengajar*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Ngalim Purwanto. (1990). *Psikologi pendidikan*. Bandung: Rosdakarya.
- Raihan Mohd Nordin. (2000). Penggunaan kemahiran membaca al-Quran di kalangan pelajar sekolah menengah kebangsaan Gurun Kedah Darul Aman. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Ramlan Ahmad. (2000). Kemahiran membaca al-Quran dan jawi pelajar-pelajar sekolah berasrama penuh: satu kajian kes. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Ramli Ahmad. (2000). Kelemahan membaca al-Quran di kalangan pelajar Sekolah Berasrama Penuh. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Rohizani Yaakub, Shahabudin Hashim & Mohd Zohir Ahmad. (2005). *Pedagogi: Strategi dan teknik mengajar dengan berkesan*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Sharifah Alwiah Alsagof. (1984). *Ilmu pendidikan pedagogi*. Kuala Lumpur: Heinemann Asia.
- Shulman, L. S. (1987). Knowledge and teaching: Foundations of the new reform. *Harvard Educational Review*, 50, 21818-A.
- Sulaiman Ngah Razali. (1997). *Pedagogi teori dan praktik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Tickle, L. (2000). *Teacher induction: The way ahead*. Buckingham: Open University Press.

Biodata:

Dr. Mohd Aderi Che Noh ialah pensyarah di Fakulti Pendidikan, UKM.